

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah pegangan dalam ringgit Malaysia dan dalam peratusan Bank Negara Malaysia dalam '*Malaysia Government Securities*' (MGS) serta Bond Prihatin dan sama ada satu '*Quantitative Easing*' (QE) dilaksanakan untuk membiayai krisis pandemik covid-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga akhir-September 2020, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (RM436.6 bilion), Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGII) (RM359.6 bilion), bill Perbendaharaan (RM24 bilion), Sukuk Prihatin (RM0.7 bilion) dan Sukuk Perumahan Kerajaan (RM24.1 bilion). Manakala baki RM29.3 bilion pula merangkumi pinjaman luar pesisir.

2. Setakat 30 September 2020, pegangan bon kerajaan Malaysia oleh Bank Negara Malaysia (BNM) adalah sebanyak RM10.9 bilion atau 1.3% daripada jumlah keseluruhan terbitan kerajaan. Ini merupakan salah satu instrumen monetari yang digunakan untuk mengurus tahap kecairan pasaran tempatan dan volatiliti pasaran bon tempatan. Walau bagaimanapun, BNM tiada pegangan dalam Sukuk Prihatin yang diterbitkan khas untuk pelabur runcit dan firma korporat pada September 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM, dasar '*Quantitative Easing*' (QE) tidak dilaksanakan di Malaysia. Buat masa ini, pembelian bon kerajaan Malaysia oleh BNM adalah untuk memastikan pasaran bon domestik berada dalam keadaan yang teratur dengan tahap kecairan yang mencukupi. Sepanjang tempoh krisis COVID-19, sebanyak RM9.2 bilion bon kerajaan Malaysia telah dibeli oleh BNM melalui operasi pasaran terbuka.